

UEM Edgenta Tingkatkan Kehadiran di Timur Tengah Melalui Kerjasama Strategik

*Kerjasama tersebut menyaksikan 60% Pegangan di dalam Syarikat Perkhidmatan
Pengurusan Harta Dipacu Teknologi Terkemuka di UAE*

DUBAI, 3 Disember 2023 - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), Syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur serantau terkemuka, berbesar hati mengumumkan kerjasama strategik melalui kepentingan sebanyak 60% dalam Kumpulan KAIZEN. Pengumuman tersebut dibuat semasa *Conference of the Parties of the UNFCCC* (“COP28”) di Dubai. KAIZEN Group merupakan sebuah syarikat perkhidmatan pengurusan harta tanah dipacu teknologi yang beribub pejabat di Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Berbekalkan rekod prestasi mengagumkan sepanjang 16 tahun, KAIZEN Group adalah perintis di dalam perkhidmatan pengurusan harta tanah hujung-ke-hujung yang dipacu teknologi di Dubai. Penawaran menyeluruh syarikat tersebut merentasi rantaian nilai perkhidmatan harta tanah, merangkumi Perkhidmatan Penyerahan, Pengurusan Harta, Penasihat Pelaburan, Pengurusan Pajakan dan pengurusan Persatuan Pemilik. Ia kini menguruskan lebih daripada 130 projek untuk beberapa pemilik dan pemaju harta tanah terkenal di UAE.

Antara pencapaian utama, KAIZEN Group merangkul anugerah dalam pelbagai kategori termasuk ‘Syarikat Pengurusan Hartanah Terbaik,’ ‘Anugerah Komuniti Mampan,’ dan ‘Anugerah Kerjasama Prop-Tech,’ di Smart Built Environment 2023 bersama-sama ‘Komuniti Residen Gembira Terbaik,’ di *Customer Happiness Awards 2023*. Pada 2022, Kaizen diberi penghormatan sebagai ‘Syarikat Pengurusan Hartanah Terbaik,’ ‘Syarikat Paling Mementingkan Pelanggan,’ dan ‘Transformasi Digital Terbaik,’ di IRECMS. Pada masa yang sama, Syarikat ini dinobatkan sebagai pemenang ‘Syarikat Pengurusan harta tanah Terbaik,’ dan ‘Anugerah Kerjasama Prop-Tech,’ di Anugerah *Smart Built 2022*. Tambahan lagi, KAIZEN Group mencapai kejayaan dengan menjadi antara Syarikat Pengurusan pertama yang memperoleh *WELL Health-Safety Rating* untuk portfolionya daripada *International WELL Building Institute (WBI)*

Sinergi antara UEM Edgenta dan KAIZEN Group adalah melalui kerjasama keupayaan pengurusan harta tanah dan kemudahan yang mempercepatkan visi UEM Edgenta bagi menghasilkan platform perkhidmatan harta tanah bersepadu. UEM Edgenta akan membawa penyelesaian bangunan pintar dan kemampuan bagi menambah nilai kepada permintaan kemampuan yang semakin meningkat di Dubai dan pasaran Timur tengah yang luas.

“Matlamat utama kerjasama ini adalah untuk mewujudkan platform perkhidmatan harta tanah yang menyeluruh dan bersepadu. Melalui gabungan keupayaan serta penjenamaan UEM Edgenta dan Kumpulan KAIZEN, pakatan strategik ini direka bentuk untuk menyesuaikan diri dengan permintaan yang berubah dengan pesat untuk perkhidmatan hujung-ke-hujung dan pengalaman gaya hidup berkualiti oleh pemilik harta tanah dan pengguna, disertakan dengan penyelesaian yang mampan dan dipacu teknologi”, ulas Syahrunizam Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

“Fokus utama kerjasama ini adalah untuk mengintegrasikan teknologi bangunan pintar dan penyelesaian kemampunan ke dalam operasi Kumpulan KAIZEN, memanfaatkan platform pengurusan aset Asseto, sebuah *Software as a Service* (“SaaS”); dan kepakaran penyelesaian kemampunan seperti Kecekapan Tenaga dan Kontrak Prestasi Tenaga. Hal ini amat sesuai dengan komitmen sektor harta tanah terhadap pendigitalan dan amalan-amalan yang cakna alam sekitar”, tambahnya.

“Sebagai sebuah organisasi yang dipacu sasaran khusus, KAIZEN sentiasa menjadi perintis industri dalam memberikan penyelesaian unik kepada pengguna dan pelanggan. Kerjasama dengan UEM Edgenta adalah kesinambungan kepada komitmen untuk memberikan nilai unik kepada pelanggan dengan memanfaatkan teknologi terkemuka UEM Edgenta untuk mengubah bangunan sedia ada kepada bangunan pintar dan seterusnya mengurangkan jejak karbon. Kerjasama strategik ini akan menambah baik perkhidmatan kami dengan aspek kesejahteraan, kesihatan dan kebahagiaan, sekali gus memberikan kepuasan pelanggan yang lebih baik. Teras kepada misi kami tertumpu kepada kesejahteraan pelanggan, kami komited untuk memberikan pengalaman menyeluruh yang tiada tandingan. Kerjasama ini juga membolehkan kami berkembang di rantau ini dan memberi peluang kepada kami untuk menunjukkan kebolehan kepada pasaran yang lebih luas. Saya dan warga KAIZEN tidak sabar untuk bekerjasama dengan UEM Edgenta bagi menunjukkan kebolehan bersama untuk mendorong kami mencapai visi Kaizen 2040,” ulas Fadi Marwan Alnwilati Almasri, Ketua Pegawai Eksekutif KAIZEN Group.

Visi UEM Edgenta untuk membina platform perkhidmatan harta tanah bersepadu adalah selaras dengan wawasan Pelan Perbandaran Induk Dubai 2040 untuk meningkatkan reputasi Dubai sebagai bandar terbaik untuk dihuni, menjadi contoh untuk kesejahteraan rakyat dan kualiti hidup. Perkongsian ini menonjolkan UEM Edgenta sebagai pemain utama dalam pembentukan landskap bandar sejajar dengan matlamat pembangunan Dubai yang maju ke hadapan; dan pada masa yang sama memperkuuh wawasan '*Edgenta of the Future 2025*' untuk mengukuhkan kehadiran dan pengaruhnya dalam pasaran pertumbuhan tinggi, sekaligus meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan penawaran teknologinya. Kumpulan UEM Edgenta teruja dengan pelbagai peluang dan sinergi baharu yang dibawa oleh kerjasama ini, sekaligus mengukuhkan kedudukannya sebagai pemain utama dalam menyampaikan penyelesaian harta tanah yang inovatif dan mampan di Dubai dan Kawasan Timur Tengah secara amnya.

Turut hadir bersama-sama dengan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif, UEM Edgenta di majlis pertukaran dokumen tersebut adalah Fadi Marwan Alnwilati Almasri, Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan KAIZEN.

Untuk maklumat lanjut tentang UEM Edgenta dan inisiatif-inisiatifnya yang lain di Timur Tengah, sila layari <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi '*Edgenta of the Future 2025*', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi &

Issued by UEM Edgenta Berhad; For Media enquiries, please contact Wan Laila Fatihah, Head, Corporate Communication (wanlaila@edgenta.com)/ Ali Baizuri Razali, Manager, Media Relations (alibaizuri@edgenta.com)

**SIARAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA
3 DISEMBER 2023**



A member of **UEM Group**

penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.